

Buang sampah dapat duit

SH 30/6/08 M/S 514



RM0.10 untuk setiap sekilogram sampah umpama satu bonus bagi penduduk yang tahu menghargai nilai sampah yang kini bukan sekadar sampah kerana dengan menjualnya di Pusat Pengumpulan Sampah Secara Pandu Buang dan Pusat Kitar Semula di Jalan Meru Indah 20 ini, orang ramai kini melihat sampah sebagai satu cara untuk menambah pendapatan.

■ ALANG AZIZAH MOKHTAR

MERU - Kewujudan Pusat Pengumpulan Sampah Secara Pandu Buang dan Pusat Kitar Semula di Jalan Meru Indah 20, Kawasan Perindustrian Meru Indah, Persiaran Hamzah Alang di sini boleh dianggap menjadi penampakan kepada masalah sampah longkang di kawasan ini yang dulunya berlaku secara berleluasa

dan sukar dikawal.

Di samping dapat mengurangkan jumlah kos operasi pembersihan dan pengendalian sampah yang mencecah belasan ribu ringgit, pusat ini dilihat sebagai satu kejayaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk merungkai masalah sampah yang sering membelenggu kawasan tersebut sejak sekian lama.

Sejak dibuka pada 2 April tahun lalu, pusat tersebut kini mula mendapat perhatian dari masyarakat sekitar kawasan Meru dan Kapar yang mula jelas dengan tujuan dan faedah yang boleh mereka peroleh dengan pembukaan pusat pengumpulan sampah berkenaan.

RM0.10 untuk setiap sekilogram sampah umpama satu bonus bagi mereka yang tahu menghargai nilai sampah yang kini bukan sekadar sampah kerana dengan menjualnya di pusat berkenaan, orang ramai kini

melihat sampah sebagai satu cara untuk menambah pendapatan.

Majlis Perbandaran Klang (MPK) pula memberi jaminan bahawa sesiapa sahaja boleh membuang dan menjual sampah di pusat tersebut.

Jabatan Alam Sekitar MPK merupakan jabatan yang diberi tanggungjawab untuk melakukan kerja kawal selia pusat berkenaan yang mana keseluruhan operasi pusat itu adalah di bawah bidang kuasa MPK.

Pengarah jabatan tersebut, Wan Ahmad Sofian Wan Hussain berkata pusat berkenaan akan menerima semua sampah yang dihantar oleh penduduk sekitar kawasan berkenaan termasuk yang dihantar oleh penjaja mengikut jadual yang ditetapkan dari jam 7 pagi hingga 12 malam setiap hari.

"Perlu diingatkan bahawa hanya penduduk tempatan dari kawasan Meru dan sebahagian kawasan Kapar yang terletak berhampiran dengan pusat itu sahaja yang dibenarkan mem-



Bagi yang mereka yang rajin, sampah boleh dijadikan sumber pendapatan yang lumayan kerana ia dibeli dengan harga RM0.10 untuk satu kilogram.

buang atau menjual sampah-sampah di situ.

"Tidak akan ada apa-apa sekatan atau larangan akan dikenakan kepada penduduk yang mahu menjual sampah-sampah domestik dari rumah

mereka selagi mengikut segala peraturan yang ditetapkan," katanya.

Tambahnya, tidak semua jenis sampah dibenarkan dibuang di pusat itu kerana ia hanya dikhaskan untuk menerima

sampah-sarap domestik sahaja iaitu sampah yang dihasilkan di rumah, barangan yang boleh di kitar semula termasuk sampah yang dihasilkan oleh peniaga dan penjaja termasuk pasar malam.